



**TERENGGANU DARUL IMAN  
TAMBAHAN PERUNDANGAN**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976**

**Tr. P.U. 18/87  
UNDANG-UNDANG KECIL  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)  
(MAJLIS DAERAH SETIU)  
KERAJAAN TEMPATAN 1987**

Tarikh penyiaran :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

13 Ogos 1987  
13 Ogos 1987



TERENGGANU DARUL IMAN  
TAMBAHAN PERUNDANGAN  
AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Tr. P.U. 18/87

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KELASAHAN) (MAJLIS  
DAERAH SETIU) KERAJAAN TEMPATAN 1987

Tarikh penyiaran :

13 Ogos 1987

Tarikh mula berkuatkuasa :

13 Ogos 1987

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

Mukadimah

Undang-undang kecil 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

Undang-undang kecil 2. Kesalahan yang boleh dikompaun dan orang boleh mengkompaun.

Undang-undang kecil 3. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.

Undang-undang kecil 4. Borang bagi tawaran mengkompaun.

Undang-undang kecil 5. Borang menerima tawaran.

JADUAL "A"

JADUAL "B"

## Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Setiu dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang kecil yang berikut:

### 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Setiu) Kerajaan Tempatan 1987** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Setiu sahaja dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

### 2. Kesalahan yang boleh dikompaun dan orang boleh mengkompaun.

Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 85(5), 91, 107, 109, 140(2) (a), 160 dan 161 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil boleh dikompaun oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Setiu atau mana-mana pegawai Majlis Daerah Setiu yang diberikan kebenaran bertulis oleh Yang Dipertua.

### 3. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.

(1) Jumlah yang dikehendaki dipungut bagi kompaun satu kesalahan hendaklah tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit.

(2) Pembayaran wang tersebut boleh dibuat dengan wang tunai, kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Daerah Setiu dan hendaklah dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima sahaja".

(3) Pembayaran boleh diserahkan oleh orang yang melakukan kesalahan kepada orang yang membuat kompaun tersebut tetapi jika bayaran dihantar melalui pos, iany hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Majlis Daerah Setiu dan satu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang mana kompaun itu dikeluarkan.

#### 4. Borang bagi tawaran mengkompaun.

Borang di dalam Jadual "A" hendaklah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi ianya boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

#### 5. Borang menerima tawaran.

Borang di dalam Jadual "B" hendaklah digunakan untuk menerima tawaran mengkompaun.

JADUAL "A"

(Undang-Undang Kecil 4)

TAWARAN MENKOMPAN SUATU KESALAHAN

Kepada:

.....  
.....  
.....

Tuan/ puan,

Rujukan : .....

Menurut maklumat / aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan / puan telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen.....Akta Kerajaan Tempatan, 1976 / Undang-Undang Kecil Bil.....Tahun.....  
Butir-butir kesalahan.....  
.....

Tarikh : ..... Waktu: .....

Tempat : .....

2. Tuan / puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kelasahan) (Majlis Daerah Setiu) Kerajaan tempatan 1987 saya bersedia, dan dengan ini menawarkan, untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran RM.....(Ringgit :.....).

Jika tawaran ini diterima, pembayaran bolehlah dibuat dengan wang tunai, kiriman wang, wang pos atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Daerah Setiu dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan dengan sendirinya kepada saya di alamat yang berikut:.....

Pembayaran melalui pos hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Seti. Satu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3. Tawaran ini akan habis tempohnya pada.....  
Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan / puan berhubung dengan kesalahan tersebut. Jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh : pada.....haribulan.....19.....

\* .....

\* (Untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangannya).

JADUAL "B"

(Undang-Undang Kecil 5)

PENERIMAAN TAWARAN MENGGOMPAUN

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah,  
Setiu.

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah seksyen.....Akta Kerajaan Tempatan, 1976 / Undang-Undang Kecil.....kerana.....yang di bawah rujukan..... dan bertarikh..... Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama-sama ini \* wang tunai / Kiriman Wang / Wang Pos / Draf Bank No.....untuk jumlah sebanyak.....sebagai menjelaskan kompaun itu dengan penuhnya.

\*Potong mana yang tidak dipakai.

Tandatangan :.....  
Nama (Huruf Besar):.....  
.....  
No. K /P:.....  
Alamat :.....  
.....

Bertarikh : pada.....haribulan.....19.....

Diperbuat pada 17 Jun 1987.  
[SUK. TR. 1200/344 /6; PUN. TR. S. 85/3/9]

WAN ISA BIN LONG,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Terengganu

Copyrights Reserved ©  
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD